

1976

1328
124

KUALA LUMPUR, 25 NOV. (BERNAMA) - DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERKATA MALAYSIA MERANCANG MELIPATGANDAKAN PENGGUNAAN GETAH ASLI MENJELANG TAHUN 1990.

KATANYA, PADA MASA INI DARI JUMLAH 1.6 JUTA TAN GETAH ASLI YANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA INI SETIAP TAHUN, HANYA 30,000 TAN SAJA DIGUNAKAN DI DALAM NEGERI DAN BAKINYA DI EKSPOT.

BERUCAP MERASMIKAN PUSAT PENYELIDIKAN TEKNOLOGI GETAH BERHARGA \$10 JUTA DI SUNGAI BULOH DEKAT SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGGESA SEKTOR PERUSAHAAN MALAYSIA BERUSAHA MENAMBAHKAN PENGGUNAAN GETAH ASLI HINGGA KIRA-KIRA 300,000 TAN MENJELANG TAHUN 1990.

KATANKATANYA, MALAYSIA YAKIN AKAN BERTAMBAH MAJU DIBIDANG PERUSAHAAN DENGAN ADANYA PENGILANGAN BARANG-BARANG YANG MENGGUNAKAN GETAH SEBAGAI BAHAN MENTAH.

BELIAU MENAMBAH, MEMANDANGKAN DASAR KERAJAAN MALAYSIA HENDAK MENGGALAK DAN MEMAJUKAN EKSPOT BARANG-BARANG PENGILANGAN, KEMUNGKINAN MEMAJUKAN PERUSAHAAN BERASASKAN GETAH TIDAK BOLEH DIKETPIKAN.

--BERSAMBUNG 1633/MD

KATANYA, KEMAJUAN PERUSAHAAN YANG DINAMIS DAN MENGUNTUNGAN MENGHENDAKI MALAYSIA YANG MEMPUNYAI BANYAK GETAH ASLI, MENGGUNAKAN PELUANG-PELUANG INI SEPENUHNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, SUMBANGAN MALAYSIA DALAM SEMUA ASPE TEKNOLOGI GETAH TIDAK ADA TOLOK BANDINGNYA DIDUNIA.

KATANYA, PUSAT YANG BARU INI ADALAH BUKTI KEAZAMAN MALAYSIA UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN PENGILANGAN PENGELUARAN GETAH YANG MENGUNTUNGAN DI NEGARA INI.

KATANYA, PUSAT TERSEBUT YANG DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN MODEN BAGI MEMPROSES, MENGUJI BAHAN DAN PENYELIDIKAN TEKNOLOGI, BUKAN SAJA DAPAT MEMPERCEPATKAN KEMAJUAN TETAPI JUGA MENGADAKAN KHIDMAT NASIHAT KEPADA AHLI PERUSAHAAN GETAH.

DR. MAHATHIR BERKATA, PEGAWAI-PEGAWAI DARI KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL PUSAT INI AKAN BERHUBUNG DAN MENYAMPAIKAN TEKNOLOGI DAN PENGETAHUAN MEREKA KEPADA AHLI PERUSAHAAN DAN PENGGUNA.

BELIAU BERKATA, PASARAN DALAM NEGERI BAGI GETAH ADALAH KECIL DAN INI MEMERLUKAN PERUSAHAAN PEKILANGAN BARANG-BARANG DARI GETAH DIPERLUASKAN BERASASKAN EKSPOT DAN MUTUNYA HENDAKLAH DIPERBAIKI.

-- BERSAMBUNG 1633/SZ

KATANYA, LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA (MRRDB) DENGAN BANTUAN TABUNG KOMONWEL BAGI KERJASAMA TEKNIK SEDANG MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI PONTENSI PASARAN DAN STRATEJI KEMAJUAN PASARAN UNTUK BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA.

DR. MAHATHIR BERKATA, PROSPEK BAGI PERKEMBANGAN YANG LEBIH PESAT DLAM EKONOMI MALAYSIA ADALAH CERAH KERANA BANYAKNYA KAWASAN PERTANIAN, SUMBER MINYAK DAN GAS ASLI DAN TENAGA KERJANYA.

MENGENAI KESELAMATAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIAKAN PROSES MEMBINA NEGARA DIGANGGU OLEHANASIR-ANASIR ANTI NASIONAL DAN KOMUNIS.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MEMPERHEBATKAN USAHANYA UNTUK MENGHADAPI ANCAMAN INI.

MENGENAI JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA USAHA UNTUK MEMBAIKI JENTERA PENTADBIRAN INI MESTILAH DIBUAT UNTUK MEMASTIKAN TINGKAT KEMAMPUAN PROFESYENAL YANG TINGGI, PERSEFAHAMAN DAN DEDIKASI YANG LEBIH LUAS, BUKAN SAJA SETAKAT MERUMUS BAHKAN JUGA DALAM PELAKSANAAN DASAR-DASAR.

DR. MAHATHIR BERKATA, OLEH KERANA KEJAYAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BERGANTUNG KEPADA PENGERTIAN SEKTOR SWASTA, KERAJAAN MENGHARGAI PENUH PERANAN PENTING SISTEM PENTADBIRAN YANG PERTUJUAN MENGUJUDKAN SUASANA PENTING BAGI SEKTOR SWASTA MEMENUHI MATLAMAT YANG DITETAPKAN DIBAWAH RANCANGAN ITU. --BERSAMBUNG

1655/IB

BELIAU BERHARAP SEKTOR SWASTA JUGA AKAN MENGHARGAI PERHATIAN KERAJARAN INI, BILA-BILA IA MENGADAKAN SEBARANG PERATURAN YANG BERTUJUAN BUKAN UNTUK MENGHALANG PELABURAN SWASTA, TETAPI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT NEGARA.

SEBELUM ITU, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK MUSA HITAN BERKATA OLEH KERANA MALAYSIA PENGELUAR UTAMA GETAH ASLI, USAHA-USAHA HENDAKLAH DIPERHEBATKAN UNTUK MENGELUARKAN GETAH ASLI DENGAN LEBIH BANYAK DAN BERMUTU.

+INI AKAN MEMBANTU EKONOMI NEGARA INI, + TAMBAHNYA.

PUSAT TEKNOLOGI RRI YANG PERTAMA DEKAT LONDON TELAH DAPAT MENERANGKAN KEPADA DUNIA TENTANG PEMBUATAN BARANG-BARANG DARI GETAH DAN IA TELAH MENARIK RAMAI USAHAWAN DARI BERBAGAI NEGARA.

PUSAT DI SUNGAI BULOH INI TAMBAH DUTA MUSA, AKAN MENOLONG DALAM RANCANGAN MELATIH RAKYAT MALAYSIA TERUTAMA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI. --BERSAMBUNG 1700/1B

MIMPENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA, HAJI ANI AROPEAN DALAM UCAPANNYA BERKATA SEKTOR PEKEBUN KECIL TELAH MENYUMBANGKAN SEBANYAK \$5.5 JUTA KEPADA PEMBINAAN BANGUNAN ITU YANG BERTAMBAH \$10 JUTA.

129
133

SEBANYAK \$4.5 JUTA LAGI TELAH DI SUMBANGKAN OLEH SEKTOR PELADANG.

BELIAU BERHARAP ANAK-ANAK PEKEBUN KECIL AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN TIDAKLAH PUASHATI DENGAN AMALAN PERLADANGAN SAHAJA.

--BERNAMA 1708/1B